

24/08/2003

MPV nasional pertama di bawah RM100,000

KUALA LUMPUR: Kenderaan Pelbagai Guna (MPV) nasional pertama yang bakal dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Rabu ini dijangka berharga sekitar RM98,000.

Kenderaan diberi nama Naza Ria dengan kuasa 2.5 V6 yang diasaskan pada model Kia Carnival, sesuai untuk keluarga dan golongan eksekutif muda itu dipasang dan diedarkan oleh Kumpulan Syarikat Naza menerusi anak syarikatnya, Naza Automotive Sdn Bhd.

Pengarah Pemasarannya, SM Faisal Nasimuddin berkata, kenderaan MPV itu dipasang di kilang milik kumpulan di Pekan, Pahang sebelum berpindah ke kilang baru bernilai RM300 juta di Gurun, Kedah, akhir tahun ini.

"Kami memberi jaminan kenderaan MPV itu memang menawan dan lebih murah daripada Kia Karnival selain mempunyai adunan reka bentuk berasaskan teknologi Korea dan Malaysia," katanya.

Ketika ditanya sama ada harganya ditetapkan RM98,000, Faisal berkata: "Saya tidak boleh beritahu sekarang kerana ayah saya (Pengarah Urusan Kumpulannya, Tan Sri SM Nasimuddin SM Amin) akan mengumumkannya pada hari pelancaran, Rabu ini. Tunggulah. Yang pasti harganya cukup menarik dan berdaya saing," katanya.

Model menggunakan Kod NC03 itu didatangkan dalam lima warna metalik yang menarik, manakala reka bentuk bahagian depan dan belakang berbeza sedikit berbanding Kia Carnival.

Berita Minggu difahamkan, harga atas jalan sekitar RM98,000 termasuk sunroof dan tempat duduk berlapis kulit, berbanding Kia Carnival yang kini dijual RM128,000.

Rancangan kumpulan untuk mengeluarkan MPV dengan status Kenderaan MPV nasional bagi melengkapkan rangkaian kereta Proton dan Perodua itu, berikutan permintaan bagi kenderaan jenis itu yang semakin meningkat.

Mulai sekarang hingga 2005, jualan MPV serta Kenderaan Utiliti Sport (SUV) dijangka meningkat 20 hingga 30 peratus. Malah, berdasarkan tinjauan, 50 peratus daripada 500 orang yang ditemui menyatakan kesediaan mereka beralih kepada MPV jika harganya berpatutan.